



25 JUN, 2022

Harga mampu milik, musang king dijual RM30 ke RM35 sekilogram

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Harga mampu milik, musang king dijual RM30 ke RM35 sekilogram



Ahmad (kanan) ketika meninjau gerai jualan.



Durian musang king dijual dengan harga antara RM30 hingga RM35 sekilogram di Penang FAMA Fest 2022.



Buah-buahan bermusim dijual RM30 setalam.

SEBERANGA JAYA - Peminat raja buah boleh menikmati durian musang king dengan harga mampu milik iaitu serendah RM30 sekilogram yang dijual di Penang FAMA Fest 2022 di tapak parkir pasar raya Lotus's Seberang Jaya.

Program yang berlangsung selama lima hari bermula Rabu itu turut menawarkan jualan buah-buahan bermusim RM30 bagi setalam di laman durian yang disediakan.

Selain itu, komponen yang menjadi tarikan utama adalah empayar makanan popular dari seluruh negara, jualan orkid dan keladi viral serta pelbagai aktiviti lain.

Timbalan Menteri Pertanian dan

Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, penganjuran Penang FAMA Fest 2022 itu antara usaha pemulihan dan merancakkan semula ekonomi tempatan yang pasti dinantikan ramai terutama oleh para usahawan.

Menurutnya, pengunjung ditawarkan pelbagai pilihan produk agromakanan yang boleh didapati menerusi Jualan My Rakyat dan Jualan Terus Dari Ladang dengan penawaran penjimatan 10 peratus dari pasar-pasar awam berdekatan.

"FAMA membawa usahawan-usahawan tempatan dengan menawarkan produk pada harga berpatutan se-

perti jualan durian musang king antara RM30 hingga RM35 sekilogram dan juga RM30 bagi setalam buah-buahan tempatan, bertepatan dengan Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan.

"Penyediaan platform jualan ini harus direbut oleh usahawan tempatan bagi membantu memasarkan produk dan menambah pendapatan selepas peralihan endemik.

"Pelbagai aktiviti promosi dijalankan pada program tersebut, sekali gus memberi manfaat kepada pelanggan yang membeli melalui platform Agrobazaar Online," katanya platform itu turut menawarkan baucar RM20,000 untuk pem-

belian dalam talian.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Penang FAMA Fest 2022 di sini pada Khamis.

Selain laman durian, antara tarikan utama lain yang boleh didapati di Penang FAMA Fest 2022 seperti empayar makanan yang membawakan pelbagai menu makanan popular serata negeri seperti Udang Sanggol Perlis, Teh Ais Lembah Bujang, Beriani Buluh, Patin Tempoyak, sambal hitam dan lain-lain.

Seramai 130 orang usahawan tani diberi ruang untuk memasarkan hasil pertanian mereka pada program kali ini dengan 11 kluster serta 84 lot usahawan.



25 JUN, 2022

Harga mampu milik, musang king dijual RM30 ke RM35 sekilogram

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Ahmad (kanan) ketika meninjau gerai jualan.

Durian musang king dijual dengan harga antara RM30 hingga RM35 sekilogram di Penang FAMA Fest 2022.

Buah-buahan bermusim dijual RM30 setalam.

SEBERANGA JAYA - Peminat raja buah boleh menikmati durian musang king dengan harga mampu milik iaitu serendah RM30 sekilogram yang dijual di Penang FAMA Fest 2022 di tapak parkir pasar raya Lotus's Seberang Jaya.